

## **KETERBATASAN PENDIDIKAN DARAH WANITA DALAM KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA: IMPLIKASI TERHADAP SIKAP DAN TINGKAH LAKU MURID**

***Tengku Sarina Aini Tengku Kasim<sup>1\*</sup>, Siti Falihah Yaakob<sup>2</sup>, & Nor Fahimah Mohd Razif<sup>3</sup>***

*Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur, Malaysia<sup>1,2&3</sup>  
tgsarina@um.edu.my<sup>1\*</sup>, 17058346@siswa.um.edu.my<sup>2</sup>, & norfahimah@um.edu.my<sup>3</sup>*

### **ABSTRACT**

*Islamic Education is a fundamental subject that all Muslim students in Malaysia must study as part of the national curriculum, whether at the primary or secondary level. Nevertheless, based on the researcher's analysis, there are several voids in the teaching and learning content of the Islamic Education curriculum, specifically in the worship section, which deals with the education of women's blood. Students' fundamental comprehension of managing issues related to women's blood is hampered by superficial exposure and discussion on this topic. In light of this, the purpose of this article is to examine the effects on students' attitudes and behaviour resulting from the limited education of female blood in the national curriculum for the subject Islamic Education in Malaysian secondary schools. This qualitative study collects data through semi-structured individual interviews with four Islamic Education Teachers (GPIs) currently employed by the Malaysian Ministry of Education (KPM) in National Secondary Schools. The interview data were thematically analysed to generate research findings. According to the findings of the study, there are a number of ramifications when this topic is not specifically covered in Islamic Education at the secondary school level. Among these are the difficulty in determining the status of the blood that is expelled, the ambiguity of how to determine the holy time that permits obligatory bathing, and the ineffectiveness of menstrual hygiene management. A sadder implication is that there are a few female students who undervalue the performance of prayer and abandon it without taking the required ablution. Therefore, according to the view of al-Attas, the best way to shape the attitudes and behaviours of today's students is through an Islamic Education system that emphasises strengthening the foundation of knowledge, as well as continuous education and training in the practise of worship, as suggested by Hassan al-Banna. The application of knowledge in the daily lives of students will shape their identities and transform their lives so that they become better Muslims.*

**Keywords:** *Women's Blood, Islamic Education Subjects, Students' Attitudes and Behaviors.*

### **ABSTRAK**

Subjek Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid yang beragama Islam di seluruh Malaysia sama ada di peringkat rendah mahupun menengah menerusi kurikulum kebangsaan. Namun, berdasarkan analisis yang dijalankan oleh pengkaji, terdapat beberapa kelompongan yang ada dalam isi kandungan pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Menengah, di bawah bahagian ibadat iaitu berkaitan pendidikan darah wanita. Pendedahan dan perbincangan yang tidak mendalam mengenai topik ini membantut pemahaman asas murid untuk mengurus isu yang berkaitan dengan darah wanita. Rentetan itu, penulisan artikel ini bertujuan menganalisis implikasi terhadap sikap dan tingkah laku murid akibat keterbatasan pendidikan darah wanita dalam kurikulum kebangsaan bagi mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif, di mana

data dikumpul dengan menggunakan kaedah temu bual individu secara semi struktur kepada empat orang Guru Pendidikan Islam (GPI) yang sedang berkhidmat di Sekolah Menengah Kebangsaan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Data temu bual dianalisis secara tematik bagi menghasilkan dapatan kajian. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa implikasi yang muncul apabila topik ini tidak dipelajari secara khusus oleh murid di peringkat sekolah menengah dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Antaranya seperti kekeliruan dalam menentukan status darah yang keluar, ketidakpastian cara untuk menentukan waktu suci yang membolehkan mandi wajib dan kelemahan pengurusan haid dari aspek kebersihan diri semasa didatangi haid. Malah satu implikasi yang lebih mendukacitakan, iaitu terdapat segelintir murid perempuan yang meremehkan pelaksanaan ibadat solat sehingga meninggalkannya dengan lewat-lewatkan mandi wajib. Justeru itu, menurut pandangan al-Attas, solusi yang terbaik untuk membentuk sikap dan tingkah laku murid pada hari ini adalah melalui sistem Pendidikan Islam yang menekankan pengukuhan asas ilmu pengetahuan, di samping pendidikan dan tarbiah (asuhan) yang berterusan dalam pengamalan ibadat sepertimana saranan Hassan al-Banna juga. Pengaplikasian ilmu pengetahuan oleh murid dalam kehidupan seharian mereka akan membentuk jati diri serta mengubah kehidupan mereka menjadi muslim yang lebih baik.

**Kata kunci:** *Darah Wanita, Mata Pelajaran Pendidikan Islam, Sikap dan Tingkah Laku Murid.*

## **PENGENALAN**

Subjek Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh semua murid yang beragama Islam di seluruh Malaysia sama ada di peringkat rendah mahupun menengah menerusi kurikulum kebangsaan. Pada peringkat Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), mata pelajaran ini mengandungi komponen Tilawah al-Quran, Hadis, Akidah, Feqah, Sirah dan Tamadun Islam serta Akhlak Islamiyyah. Kesemua komponen ini selari dengan matlamat yang dinyatakan dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam iaitu untuk menghasilkan muslim yang berilmu, beriman, berketerampilan, beramal soleh dan berakhlak mulia berdasarkan al-Quran dan sunnah supaya menjadi hamba dan khalifah Allah yang bertakwa dan menyumbang ke arah meningkatkan tamadun bangsa dan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Bagi memastikan kurikulum kebangsaan berkembang sejajar dengan perubahan zaman, Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Pusat Perkembangan Kurikulum atau PPK (kini dikenali dengan Bahagian Pembangunan Kurikulum atau BPK) sentiasa membuat semakan dan penambahbaikan dari semasa ke semasa. Semakan terhadap kurikulum yang diguna pakai oleh sistem persekolahan pada peringkat rendah dan menengah di Malaysia sejak tahun 1983 bagi Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan 1989 bagi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Kurikulum semakan tersebut mula dilaksanakan pada tahun 2003 dengan memberi penekanan kepada kualiti kandungan serta asas strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan bersesuaian dengan tuntutan pendidikan pada masa kini dan masa hadapan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001).

Terkini, Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah melakukan sebelas anjakan bagi menjadikan kurikulum kebangsaan lebih holistik dan relevan selaras keperluan abad ke-21. Antara transformasi kurikulum yang berlaku dengan jelas ialah perubahan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) ditukar kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi sekolah rendah serta Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) ditukar kepada Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi sekolah menengah.

Transformasi kurikulum ini bukan sahaja menekankan kepada peningkatan isi kandungan, tetapi juga kepada pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang memfokuskan kepada kaedah *hands-on learning* seperti pembelajaran berasaskan penyelesaian masalah, pendekatan konstruktivisme dan pendekatan *Science Technology, Engineering dan Math (STEM)*. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan ini bertujuan melahirkan pelajar sebagai modal insan yang kritis, kreatif dan inovatif. Mata pelajaran Pendidikan Islam turut terlibat dengan transformasi pendidikan yang bersifat futuristik dan global ini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Jika dahulunya guru Pendidikan Islam hanya menyampaikan ilmu, kini guru berperanan untuk melahirkan modal insan kelas pertama. Justeru, semua guru bertanggungjawab memberi pendidikan dan menghasilkan perubahan tingkah laku ke atas diri murid, menguasai teknologi terkini, sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan dengan budaya membaca, budaya belajar, budaya berfikir dan budaya menulis serta bersifat inovatif. Keupayaan guru menterjemahkan kehendak kurikulum dengan mempelbagaikan pendekatan kaedah pengajaran mampu meningkatkan keupayaan dan prestasi pelajar di samping memupuk minat pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam (Suhid, 2015).

Walau bagaimanapun, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang dilaksanakan hendaklah merujuk kepada aras dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui kenyataannya untuk menilai semula sub topik yang berat atau tidak selari dengan keperluan murid. KPM turut menghargai pandangan serta cadangan daripada pemegang taruh dan masyarakat umum berkaitan kurikulum persekolahan yang sedang dilaksanakan di semua sekolah termasuk Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) (Berita Harian, 2023).

Sungguhpun demikian, namun masih lagi terdapat beberapa kelompongan yang ada dalam isi kandungan pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Menengah, di bawah bahagian ibadat iaitu berkaitan pendidikan darah wanita. Jika dilihat dalam kurikulum mata pelajaran Pendidikan Islam KSSM, topik haid, nifas dan istihadah hanya disebutkan secara asas seperti definisi darah haid, nifas dan istihadah sedangkan perkara yang membatalkan ibadat disebabkan kedatangan darah haid dan nifas tidak dijadikan fokus pembelajaran. Tambahan lagi, ilmu berkenaan darah wanita khususnya ilmu haid merupakan perkara yang sangat penting untuk dipelajari dan difahami oleh seorang wanita kerana ia merupakan salah satu sub perbincangan di bawah bab ibadat yang melibatkan hukum-hakam dalam rukun Islam seperti solat, puasa, dan haji (Fatimah Salleh et al, 2021). Bahkan menurut Bashir al-Shaqfah (2012), sebahagian ulama lebih menitik beratkan ilmu berkaitan fiqh solat sebelum pelaksanaan ibadat solat itu sendiri. Ilmu fiqh solat yang dimaksudkan di sini adalah ilmu-ilmu yang berkaitan dengan rukun solat, perkara-perkara sunat dalam dan luar solat, perkara-perkara yang menjadi syarat sah solat dan perkara-perkara larangan dalam solat. Justeru itu, topik darah wanita termasuk dalam perkara-perkara yang menjadi syarat sah solat iaitu bersuci sebelum solat serta memberi implikasi kepada keabsahan dan kesempurnaan ibadat solat. Malahan, menurut al-Syarwani (1938), hukum mempelajari ilmu darah wanita adalah fardu ain iaitu dituntut ke atas semua mukalaf untuk mempelajarinya.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Kurikulum Pendidikan Islam yang berorientasikan Mazhab Syafi'i mulai diaplikasi dan menjadi mata pelajaran wajib dalam Sekolah Kerajaan selepas kerajaan mula melaksanakan Undang-

Undang Pelajaran Agama Islam dengan lebih sistematik berdasarkan Syor Penyata Abdul Rahman Talib pada tahun 1960 (Ghazali, 2016). Kepentingan Pendidikan Agama Islam semakin diberi penekanan pada tahun 1962 apabila mata pelajaran ini diintegrasikan ke dalam jadual rasmi sekolah dengan peruntukan masa selama dua jam seminggu (Ahmad Mohd. Salleh, 2004). Dari sudut kandungan kurikulum pula, pengajian al-Quran menjadi komponen utama diikuti pengajian hadis, tauhid, feqah, akhlak, tulisan, tatabahasa Arab, kesusasteraan dan sejarah (Suhid et al, 2015)

Walaupun mata pelajaran Pendidikan Islam sudah wajib dipelajari oleh semua pelajar Islam di Sekolah Rendah dan Menengah, namun hasil analisis awal yang dilakukan oleh pengkaji dengan merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan buku teks Pendidikan Islam Sekolah Rendah dan Menengah bagi mata pelajaran Pendidikan Islam mendapati bahawa, masih tiada walaupun satu topik khusus berkenaan darah wanita yang dimasukkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk dipelajari oleh para pelajar.

Jika diamati, dalam konteks persekolahan terkini, Pendidikan Darah Wanita yang didedahkan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dalam mata pelajaran Pendidikan Islam Tahun 3, Tahun 4 dan Tahun 6 di bawah bidang ibadat hanya menjadi sisipan di bawah tiga sub topik iaitu "*Bersuci Daripada Hadas*", "*Bulan Penyucian Jiwa*" dan "*Ibadat Puasa Pada Bulan Ramadan*". Bagi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pula pembelajaran darah wanita dipelajari dalam mata pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 1 dan Tingkatan 2 di bawah bidang ibadat yang diletakkan di bawah dua sub topik iaitu "*Mandi Wajib Penyuci Diri*" dan "*Puasa Benting Diri*". Berdasarkan pemerhatian awal pengkaji, pendedahan tentang darah wanita yang berada di bawah sub topik "*Mandi Wajib Penyuci Diri*" dan "*Puasa Benting Diri*" dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mata pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 1 dan Tingkatan 2 merupakan pembelajaran yang berulang dari sudut tajuk dan standard pembelajaran seperti yang sudah dipelajari oleh pelajar sewaktu berada di Tahun 3, Tahun 4 dan Tahun 6.

Selain itu, pembelajaran darah wanita yang disisipkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi mata pelajaran Pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) hanya dilakukan secara asas dengan memfokuskan kepada konsep haid, nifas dan istihadah seperti menjelaskan tentang definisi, perkara yang menjadi sebab kepada mandi wajib dan perkara yang membatalkan puasa, tanpa ada perincian maklumat penting seperti kaedah pengiraan hari untuk menentukan status darah seperti penentuan status darah yang berlaku sekiranya darah keluar secara terputus-putus serta perbincangan hukum-hakam yang berkaitan dengan darah haid dan istihadah.

Justeru itu, pendedahan dan perbincangan yang tidak mendalam mengenai topik ini membantut pemahaman asas murid untuk mengurus isu yang berkaitan dengan darah wanita. Selari dengan kajian Tawang dan Ibrahim (2016), Noraini Ismail et al (2016), Fatimah Salleh et al (2021), dan Latifah Ariffin (2022) yang menyatakan bahawa, implikasi topik darah wanita tidak dipelajari secara terperinci dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah menengah mengakibatkan terdapat segelintir remaja perempuan yang mengabaikan soal hukum hakam dan panduan yang betul semasa mandi wajib dan solat. Rentetan itu, penulisan artikel ini bertujuan menganalisis implikasi terhadap sikap dan tingkah laku murid akibat keterbatasan pendidikan darah wanita dalam kurikulum kebangsaan bagi mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Rekabentuk Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif iaitu penyelidikan yang menghasilkan dapatan yang bukan melalui prosedur statistik atau bentuk pengiraan (Strauss & Corbin, 1998). Dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah temu bual secara semi struktur bagi membantu pengkaji meneroka tingkah laku, perspektif, perasaan dan pengalaman informan kajian secara mendalam serta ia juga dijalankan dalam keadaan yang sebenar dan semula jadi (Creswell, 1994).

### **Sampel Kajian**


Sampel kajian ini dipilih secara persampelan bertujuan bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai. Empat orang Guru Pendidikan Islam (GPI) yang sedang berkhidmat di Sekolah Menengah Kebangsaan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah dipilih sebagai peserta kajian. Keempat-empat informan dalam kajian ini dikodkan sebagai GPI 1, GPI 2, GPI 3 dan GPI 4. Lokasi kajian yang dipilih melibatkan empat buah sekolah menengah yang terletak di Kuala Lumpur, Selangor dan Sabah.

### **Instrumen Kajian**

Sebelum sesi temu bual bersama informan kajian dilaksanakan, satu protokol temu bual secara semi-struktur telah dirangka bagi mendapatkan maklumat daripada informan kajian. Protokol soalan temu bual telah pun disahkan oleh panel penilai daripada pakar bahasa dan pakar bidang Pendidikan Islam sebelum pengkaji menjalankan kajian bagi menilai kesesuaian soalan. Soalan yang telah ditambah baik diguna pakai dalam kajian sebenar. Temu bual telah dilaksanakan melalui aplikasi *Google Meet* yang mengambil masa sekitar 45 hingga 60 minit yang direkodkan dengan keizinan informan. Setelah itu, pengkaji melengkapkan transkrip secara verbatim apabila kajian sebenar dan pengumpulan data telah selesai. Kemudian, data tersebut diberikan semula kepada informan yang terlibat untuk semakan. Selepas semakan transkrip, informan menandatangani borang pengesahan temu bual untuk mengesahkan butiran temu bual. Transkrip temu bual yang telah disahkan telah dibaca berulang kali dan difahami bagi memastikan pengkaji memahami data yang telah dikutip. Setiap kali transkrip dibaca, pengkaji akan mencatat kod yang bersesuaian, atau persoalan yang timbul untuk dikemukakan dalam sesi temu bual seterusnya. Selepas itu, semua data dikodkan dan dianalisis secara tematik untuk melihat persamaan, perbezaan dan pengulangan idea. Kaedah analisis tematik merupakan salah satu bentuk analisis dalam kajian kualitatif yang bertujuan untuk menganalisis tema-tema yang berkaitan dengan data. Menurut Taylor dan Bogdan (1998), analisis tematik boleh memberi gambaran berkaitan data yang diperolehi secara terperinci melalui penafsiran yang dilakukan oleh penyelidik sendiri (Taylor & Bogdan, 1998). Justeru, kaedah ini akan membantu memudahkan pengkaji dalam membincangkan hasil analisis data berkenaan implikasi terhadap sikap dan tingkah laku murid akibat keterbatasan pendidikan darah wanita dalam kurikulum kebangsaan bagi mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Berdasarkan temu bual individu separa berstruktur, pengkaji telah mengenal pasti tiga implikasi utama terhadap sikap dan tingkah laku murid akibat keterbatasan maklumat tentang darah wanita. Rajah 1.1 menjelaskan implikasi tersebut.



Rajah 1.1: Keterbatasan Pendidikan Darah Wanita: Implikasi terhadap sikap dan tingkah laku murid

### **Kekeliruan Murid Untuk Menentukan Status Darah Yang Keluar**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa, keempat-empat informan bersetuju terdapat kekeliruan yang berlaku dalam kalangan murid perempuan di sekolah menengah untuk menentukan status darah yang keluar sama ada darah tersebut merupakan darah haid atau darah istihadah. Dalam masa yang sama, mereka juga keliru untuk menentukan waktu suci yang membolehkan mereka untuk mandi wajib.

*“Tempoh dia (haid), dia (murid) minta kita (GPI) tolong kirakan. Dia kata dia kira dah berapa hari. Aaa yang ini bila masa saya nak sembahyang...” (GPI 1)*

*“Bila tempoh darah haid dia (murid) tu lama dia akan rasa keliru. Eh haid ke apa? Kadang-kadang kita la selalu “minggu lepas dah tak solat dan seminggu, tak kan lah minggu ni tak solat lagi?” Haa dia keluar sikit-sikit. Macam-macam la respon murid tu...” (GPI 2)*

*“Dia orang (murid) macam itulah. Dia orang keliru mahu solatkah, mau mandi wajib. Bila mau mandi wajib. Diaorang keliru. Kadang-kadang kan kalau masa check uzur tu kamu ni dah lama sudah ni uzur. Lebih sudah lima belas hari. Kenapa masih di sini lagi? Aa saya mana tahu ustazah sebab darah saya ni masih ada lagi...” (GPI 3)*

*“Mereka tak tahu bila nak kena mandi wajib. Bila mereka ni perlu solat. Jadi mereka tak tahu...” (GPI 4)*

Tambahan lagi, menurut GPI 1 dan GPI 3 kekeliruan ini sering dihadapi oleh murid perempuan menengah rendah iaitu daripada murid yang berada di Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 3.

*“Akak memang ngajar tingkatan satu dengan dua. Waktu tu memang dah mula tanya sebab diaorang kan di ambang permulaan dewasa...” (GPI 1)*

*“Tingkatan dua tiga. Tingkatan satu ni pun dia tanya...” (GPI 3)*

Berdasarkan kenyataan GPI dan GPI 3 difahami bahawa, kebanyakan murid khususnya murid perempuan Tingkatan 1 dan Tingkatan 2 yang baru didatangi haid, mereka tidak

mengetahui tentang cara pengiraan status darah yang meliputi tempoh minimum haid, tempoh maksimum haid dan tempoh suci di antara dua haid menyebabkan mereka keliru bilakah sepatutnya waktu mereka sudah boleh mandi wajib dan solat. Hal ini demikian kerana, ketiadaan modul khusus tentang pembelajaran darah wanita di peringkat sekolah, maka kebanyakan murid tidak mempunyai pengetahuan tentang cara pengiraan darah yang betul sehingga menyebabkan salah faham dalam menentukan status darah yang keluar (Ahmad et al. 2022; Fatimah et al, 2021; Reshad et al, 2020). Memahami tentang tempoh darah haid, nifas dan istihadah beserta cara pengiraannya merupakan aspek yang terpenting dalam memahami bab darah wanita. Ini demikian kerana, cara pengiraan yang tepat untuk menentukan status darah, dapat membantu menyelesaikan kekeliruan tentang status darah sekaligus memudahkan wanita beribadat dengan lebih yakin (Tengku Sarina et al, 2023; Siti Falihah, 2020).

### **Ketidackaknaan Murid dalam Menjaga Kebersihan Diri Semasa Didatangi Haid**

Keperluan menjaga kebersihan diri sama ada sebelum, semasa dan selepas didatangi haid merupakan suatu tuntutan dalam Islam (Ahmad et al, 2022). Bahkan, pengurusan diri semasa didatangi darah haid, nifas atau istihadah ini perlu diurus dengan baik kerana ia berkait rapat dengan ibadah dan pengurusan bersuci wanita secara umum. Hal ini sepertimana yang disebutkan dalam Firman Allah Taala,

مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya: *Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi Dia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmatNya kepada kamu, supaya kamu bersyukur.*

Surah al-Maidah 5:6

Menerusi ayat di atas difahami bahawa, bersuci merupakan satu perkara yang dituntut dan disukai oleh Allah Taala. Oleh kerana itu, tuntutan ini seharusnya dilaksanakan oleh semua wanita yang didatangi haid termasuk murid-murid yang masih di peringkat persekolahan. Walaupun terdapat sub topik tentang kepentingan mengurus diri semasa haid dalam mata pelajaran Sains Tingkatan 1 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) di Malaysia, yang dipelajari dalam tema 2 iaitu 'Penyenggaraan dan Kesenambungan Hidup' di bawah bidang pembelajaran (4) iaitu tajuk 'Pembiakan' dan di letakkan dalam sub topik 4.3 iaitu tajuk 'Kitar Haid', yang memfokuskan kepada kepentingan kebersihan diri semasa haid seperti kepentingan menukar tuala wanita dan galakkan untuk mandi dengan kerap agar dapat membersihkan tubuh badan, namun perincian ini masih lagi tidak dapat memberi kesedaran kepada murid untuk mengaplikasikan ilmu yang telah dipelajari.

Bahkan, menurut GPI 2 dan GPI 3, masih terdapat segelintir murid yang kurang mempunyai kesedaran tentang pengurusan diri semasa didatangi haid khususnya daripada aspek pengurusan tuala wanita.

*"Kadang-kadang dia main campak buang merata-rata pad (tuala wanita) itu dalam tong sampah. Kita dah sedia dah sanitari tu..." (GPI 2)*

*"Kadang-kadang kita kata pad buang macam mana? Bersihkan ke? Buang ke? Sebab sudah di sekolah pun dia orang boleh buang merata apa lagi tak tahulah macam mana pengurusan di rumah kan..." (GPI 3)*

*"Kadang-kadang pad tu diaorang (murid) letak di tandas macam tu je..." (GPI 3)*  
*"Macam di tandas tu ada pula darah haid mungkin tak siram..." (GPI 3)*

Menerusi kenyataan GPI 2 dan GPI 3 dapat difahami bahawa, tuala wanita merupakan alat yang sering digunakan oleh wanita semasa didatangi haid. Kelengkapan alatan pengurusan haid seperti tuala wanita dan tampon merupakan keperluan penting sepanjang tempoh menstruasi (Tohit et al, 2021). Namun begitu, masih lagi terdapat segelintir murid perempuan yang tidak mengamalkan apa yang telah dipelajari dalam konteks kehidupan seharian mereka sepertimana yang dihasratkan dalam Standard Pembelajaran mata pelajaran Sains Tingkatan 1 KSSM yang menekankan agar murid mampu mengurus kebersihan diri semasa didatangi haid (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2015). Justeru, pembuangan tuala wanita di merata-rata tempat boleh membawa kepada risiko jangkitan kuman kepada murid-murid lain serta menjadi punca kepada tandas yang kotor (Azimah, 2020).

### **Segelintir Murid Perempuan Meremehkan Pelaksanaan Ibadat Solat Sehingga Meninggalkannya dengan Melewatkan Mandi Wajib**

Hasil temu bual bersama informan-informan kajian mendapati bahawa terdapat segelintir murid perempuan yang mengambil sikap sambil lewa dan culas dalam melaksanakan ibadat solat dengan lewat-lewatkan masa untuk mandi wajib. Walaupun terdapat tajuk tentang mandi wajib yang dipelajari dalam buku teks mata pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 1 seperti dalam rajah 1.2 di bawah, namun perincian yang ada masih lagi tidak dapat memberi kesedaran kepada murid-murid untuk menyejajarkan mandi wajib sesudah mereka suci daripada haid.

Rajah 1.2: Kurikulum Pendidikan Islam Tingkatan 1 KSSM

| KSSM PENDIDIKAN ISLAM TINGKATAN 1  |                  |  |                |
|--|------------------|--|----------------|
| ستندرد فریستاسی  |                  | ستندرد فمبلاجرن  | ستندرد كاندوغن |
| تفسیرن   | تاهف<br>فقواساءن |  |                |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• مرغکن حکمه بروضوء.</li> <li>• ملازمی بروضوء دغن سمفورنا سچارا برادب دان استقامة.</li> </ul>   |                  |  |                |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• مپاتاکن مقصود دان دلیل نقلی مندی واجب، فرکارا ۲ یغ مواجبن مندی، فرکارا یغ دلارغ سماس برحدت بسر، روکون مندی واجب، چارا مندی واجب، فرکارا ۲ سنة کتیک مندی واجب، حکمه مندی واجب دان مندی ۲ سنة.</li> </ul>               | 1                | مورید بولیه:<br>4.6.1 مپاتاکن مقصود دان دلیل نقلی مندی واجب.<br>4.6.2 منجلسکن فرکارا ۲ یغ مواجبن مندی. | 4.6 مندی واجب  |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• مپاتاکن مقصود دان دلیل نقلی مندی واجب، فرکارا یغ دلارغ سماس برحدت بسر، فرکارا ۲ سنة کتیک مندی واجب سرتا مندی ۲ سنة.</li> <li>• منجلسکن فرکارا ۲ یغ مواجبن مندی، روکون مندی واجب، چارا مندی واجب دان حکمهن.</li> </ul> | 2                | 4.6.3 مغئل فسئی فرکارا یغ دلارغ سماس برحدت بسر.<br>4.6.4 مرغکن روکون مندی واجب.                        |                |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• مپاتاکن مقصود دان دلیل نقلی مندی واجب، فرکارا یغ دلارغ سماس برحدت بسر، فرکارا ۲ سنة کتیک مندی واجب سرتا مندی ۲ سنة.</li> <li>• منجلسکن فرکارا ۲ یغ مواجبن مندی.</li> </ul>  | 3                | 4.6.5 منونجوق چارا مندی واجب یغ بتول.  |                |

Sumber: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam Tingkatan 1



Hal ini sepertimana yang dinyatakan oleh GPI 1, GPI 2 dan GPI 3.

*“Kadang-kadang dia ngelat (tipu). Dah lama dah kering darah tu kan dia masih berlengah-lengah lagi. Bila kita tanya kenapa tak solat lagi? Ala ustazah tak sempat lagi nak mandi wajib. Kadang-kadang dia bukan kerana istihadah pun budak-budak ni. Tapi kerana dia menganggap benda itu macam remehlah. Dia tak nak sembahyang la tu...” (GPI 1)*

*“Haa dia tak kesah. Yang dia tahu dia enjoy dia tak solat. Ada yang sebulan haid...” (GPI 2)*

*“Pelajar datang ke sekolah jam dua belas setengah. Jadi zohor dan asar biasanya waktu asar tu memang waktu yang paling best untuk check pelajar. Biasanya yang saya dapat yang paling kerap ialah tidak mandi wajib. Kenapa kamu tak mandi wajib? Hmm lupa. Kadang-kadang cakap tiada air. Tapi sebenarnya dia orang memang kurang kesedaran untuk cepat mandi wajib...” (GPI 3)*

*“Pelajar-pelajar sekolah ni, dia bila tak tahu tentang darah wanita, mereka agak culas. Culas nak sembahyang...” (GPI 4)*

Berdasarkan kenyataan GPI 1, GPI 2, GPI 3 dan GPI 4 didapati bahawa masih lagi terdapat pengabaian solat dalam kalangan murid perempuan di sekolah yang mana mereka mengambil remeh tentang kewajipan solat dengan alasan lewat-lewatkan mandi wajib. Kenyataan ini turut diperkuatkan lagi dengan dapatan kajian Suhaila et. al (2018) dan Shukri Ahmad et. al (2014) yang mendapati penghayatan solat masih rendah, pelaksanaan solat tidak dianggap penting di samping solat dianggap bukan keutamaan oleh golongan remaja. Umum mengetahui bahawa, solat merupakan salah satu daripada rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh semua umat Islam yang waras, berakal dan telah baligh (Suhaila et.al, 2018). Kepentingan solat ini juga turut ditekankan berulang kali di dalam al-Quran sepertimana Firman Allah Taala:

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا ۖ لَا نَسْأَلُكَ رِزْقًا ۗ نَحْنُ نَرْزُقُكَ ۗ وَالْعَاقِبَةُ لِلتَّقْوَىٰ

Maksudnya: *Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, (bahkan) Kamilah yang memberi rezeki kepadamu. Dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertakwa.*

Surah Taha 20:132

Justeru itu, tuntutan untuk melaksanakan solat ini adalah satu kefarduan kepada semua umat Islam di samping perlu mengetahui tentang syarat wajib dan sah solat bagi memastikan solat yang dilakukan adalah sempurna dan tidak sia-sia (Zainuddin & Razak, 2021). Oleh kerana itu, perbuatan lewat-lewatkan solat sehingga keluar daripada waktunya tanpa ada sebarang keuzuran termasuk dalam perkara yang haram sepertimana yang disepakati oleh para fuqaha (Wizarah al-Awqaf wa al-Syuun Islamiyyah al-Kuwaitiyyah, 2000).

## **PEMBENTUKAN SIKAP DAN TINGKAH LAKU MURID MELALUI SISTEM PENDIDIKAN ISLAM**

Pendidikan menurut Islam merupakan satu proses berterusan untuk merubah, melatih serta mendidik akal, jasmani dan rohani manusia berasaskan nilai-nilai Islam yang bersumberkan wahyu

bagi melahirkan insan yang bertakwa dan mengabdikan diri kepada Allah SWT untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat. Definisi ini sepertimana yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Islam iaitu satu usaha yang berterusan dalam menyampaikan ilmu, membentuk kemahiran dan memupuk penghayatan Islam berteraskan al-Quran dan al-Sunnah (A Rashid et. Al, 2010). Penerapan Pendidikan Islam dalam diri murid bertujuan membentuk peribadi murid selain membiasakan mereka dengan proses pembelajaran yang baru (Kamarul & Ab. Halim, 2007). Selari dengan itu, al-Attas (2019) dalam penulisannya menekankan aspek *ta'dib* bertujuan untuk melahirkan manusia yang baik. *Ta'dib* yang dimaksudkan di sini merupakan proses disiplin diri yang disimpulkan oleh al-Attas sebagai 'penyerapan adab ke dalam diri'. Proses *ta'dib* ini haruslah didasari dengan Islamisasi ilmu pengetahuan. Hal ini demikian kerana, pada masa masa kini, antara cabaran terbesar yang muncul secara tersembunyi ialah cabaran ilmu pengetahuan. Ia bukan sebagai lawan daripada kejahilan, namun ilmu yang difahami dan disebarkan ke seluruh dunia oleh peradaban Barat. Selain kesalahan dalam memahami ilmu, al-Attas(2019) juga menyatakan bahawa peradaban Barat telah menghilangkan maksud dan tujuan ilmu. Sekalipun, peradaban Barat turut menghasilkan ilmu yang bermanfaat, namun peradaban tersebut juga secara tidak disedari telah menyebabkan kerusakan dalam kehidupan manusia.

Justeru itu, al-Attas (2019) telah membahagikan ilmu kepada dua bahagian. Hal Ini sepertimana yang dinyatakan oleh beliau:

*"Ilmu, sebagaimana yang kita fahami, terbahagi kepada dua macam, meskipun keduanya itu merupakan suatu kesatuan yang saksama dan sempurna. Yang pertama iaitu ilmu yang diberikan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala sebagai Kurnia-Nya kepada insan; dan yang kedua iaitu ilmu yang dicapai dan diperolehi oleh insan berdasarkan daya usaha akliahnya sendiri yang berpunca kepada pengalaman hidup indera jasmani dan nazar-akali serta pemerhatian dan penyelidikan dan pengkajian".*

Daripada penjelasan di atas, dapat difahami bahawa, al-Attas (2019) membahagikan konsep ilmu kepada ilmu fardu 'ain dan ilmu fardu kifayah. Ilmu fardu 'ain merupakan ilmu yang wajib dipelajari oleh semua mukallaf. Ia merupakan wahyu Allah kepada manusia sebagai petunjuk kepada kehidupan beragama yang benar dan lurus. Justeru, ilmu ini mengandungi tatacara manusia beribadah kepada Allah SWT dalam kehidupan seharian. Antara contoh ilmu fardu 'ain adalah ilmu aqidah, ilmu shariah dan ilmu tasawwuf. Manakala ilmu yang kedua merupakan ilmu fardu kifayah iaitu ilmu yang wajib dipelajari oleh sebahagian orang muslim, untuk menjaga kemaslahatan umat keseluruhannya agar tidak dianiaya dan ditindas oleh orang bukan Islam. Ilmu fardu kifayah diperolehi oleh insan melalui kekuatan akal mereka sendiri, melalui pengalaman hidup, pemerhatian dan penyelidikan dalam kehidupan manusia di dunia. Berdasarkan perkembangan ilmu dan penyelidikan dunia hari ini, terdapat pelbagai jenis ilmu baru. Sebagai contoh, ilmu alat seperti Matematik dan Geometri, ilmu Sains seperti Biologi, Fizik, dan Kimia serta ilmu Sejarah dan Peradaban.

Secara asasnya, setiap aspek ibadah dalam Islam yang difardu atau disunatkan kepada umatnya mempunyai manfaat yang besar untuk kehidupan di dunia dan kehidupan akhirat. Ibadat solat misalnya merupakan ibadat yang wajib dilaksanakan tanpa sebarang alasan. Pelaksananya yang berbentuk wajib ini bagi mendekatkan diri kepada Tuhan yang menciptakan manusia. Oleh kerana itu, individu yang berusaha menjaga solatnya mampu menjadi seorang insan yang dinamik, progresif, berdaya tahan, berkarisma dan bertakwa. Sebaliknya, kelalaian terhadap solat menjadikan seorang itu lemah pendirian, mudah terpedaya, sakit nuraninya dan rosak amalannya (Kamarul &

Ab. Halim, 2007). Justeru itu, ibadat solat dan ibadat-ibadat yang lain perlu ditekankan kepada murid agar amalan tersebut menjadi sehati dalam jiwa mereka setelah dewasa kelak.

Tambahan lagi, menurut Abdullah Nasih Ulwan (2015), penerapan dan didikan kepada agama sejak kecil oleh ibubapa dan guru akan membuahkan kepada kefahaman ilmu dan amal yang menjadi dasar kepada setiap individu yang bergelar muslim. Sepertimana yang dinyatakan oleh Hassan al-Banna (1949), pengukuhan asas ilmu pengetahuan di samping pendidikan dan tarbiah (asuhan) yang berterusan dalam pengamalan ibadat oleh murid dalam kehidupan seharian mereka akan membentuk jati diri serta mengubah kehidupan mereka menjadi muslim yang lebih baik.

## **KESIMPULAN**

Tuntasnya, pembelajaran darah wanita yang terdapat di dalam buku teks mata pelajaran Pendidikan Islam KSSM Tingkatan 1 dan Tingkatan 2 tidak mencukupi untuk membantu memberi kefahaman yang jelas tentang topik darah wanita kepada murid dan guru di sekolah. Implikasi yang berlaku apabila topik ini tidak dipelajari oleh murid di peringkat sekolah menyebabkan mereka keliru untuk menentukan status darah yang keluar, tidak tahu bagaimana cara menentukan waktu suci yang membolehkan mandi wajib malah yang lebih mendukacitakan, terdapat segelintir murid yang meremehkan pelaksanaan ibadat solat dengan alasan melewati lewatkan mandi wajib. Justeru itu, pemerkasaan isi kandungan pengajaran dan pembelajaran darah wanita secara khusus dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah amat penting bagi memastikan segala maklumat dapat disampaikan secara telus dan dihayati dengan baik dan berkesan oleh murid. Usaha yang berterusan juga perlu dirancang, dilaksanakan dan diperbaiki hari demi hari agar dapat melahirkan generasi remaja yang berkualiti dan mempunyai jati diri pada masa akan datang.

## **PENGHARGAAN**

Penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya kerana telah menyokong penyelidikan ini. Kertas kerja ini merupakan hasil daripada penyelidikan yang dibiayai oleh Geran Khas Penyelidikan (GKP) UMG030L-2022.

## **RUJUKAN**

- A Rashid et al. (2010). *Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*. Edisi Ketiga. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn.Bhd.
- Abdullah Nasih Ulwan (2015). *Tarbiyatul Aulad Fil Islam (Mencorak Perbadi Awal Anak)*. Jilid 1. Kuala Lumpur: PTS Publication.
- Ahmad, M. S. (2004). *Pendidikan Islam: Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*. Selangor: Fajar Bakti.
- Ahmad, N., Majid, L. A., Nazri, M. A., Ahmad, S., Saparudin, I. F., & Bakar, S. K. S. A. (2022). Amalan Pengurusan Kebersihan Haid Menurut al-Quran dan al-Sunnah: Menstrual Hygiene Management Practices According to al-Quran and al-Sunnah. *Journal of Quranic Sciences and Research*, 3(2), 27-35.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (2019). *The Concept Of Education In Islam*. Kuala Lumpur: Ta'dib International.
- Al-Syarwani, Abdullah al-Hamid. (1938). *Hawasyi Tuhaf al-Muhtaj Bi Syarh al-Minhaj*. Jilid Pertama. (T.tp: Maktabah al-Tijariya al-Kubra).

- Azimah (2020). “*Tidak Perlu Basuh Tuala Wanita Kongsi PHM*”. Sinar Plus. Diakses pada 31 Ogos 2023. <https://sinarplus.sinarharian.com.my/lifestyle/tidak-perlu-basuh-tuala-wanita-kongsi-phm-ini-rupa-sebabnya/>
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam Tingkatan 1*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2016). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam Tingkatan 2*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Berita Harian (24 Ogos 2023). “*KPM Nilai Semula Subtopik yang Tidak Selari Dengan Keperluan Murid*”. Diakses pada 19 September 2023. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1144417/kpm-nilai-semula-subtopik-yang-tidak-selari-dengan-keperluan-murid>.
- Creswell, J.W (1949). *Research Design, Qualitative & Quantitative Approaches*. Thousand Oaks: Sage.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam Tahun 6*. Malaysia: Kuala Lumpur.
- Fatimah Salleh, S., Kamaruddin, K., Abdul Mutalib, L., & Saeed Salameh Alqaraleh, R. (2021). Analisis Pendidikan Darah Wanita dalam Kurikulum Rendah di Malaysia di Kalangan Guru Pendidikan Islam. *Malaysian Journal For Islamic Studies*, 5(1),78–89.
- Ghazali, N. (2016). Pendidikan Islam di Malaysia: Analisis kepentingan penghayatan mazhab Syafie (Islamic education in Malaysia: Analysing the significance of appreciating the Shafi'i school). *Geografia*, 12(4), 1-11.
- Hasan al-Banna. (1949). *Majmu'at al-Rasail*. Al-Qahirah: Dar al-Syihab.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2007). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Edisi Pertama. Johor: UTM Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*. Malaysia: Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sains Tingkatan 1*. Bahagian Pembangunan Kurikulum: Putrajaya.
- Latifah Arifin (2022). “*Bab Darah Wanita Kurang Diberi Perhatian*”. Berita Harian. Diakses pada 1 September 2023. <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2022/07/972438/bab-darah-wanita-kurang-diberi-perhatian>.
- Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah (2006). Jilid ke-18, Cetakan Pertama. Kuwait: Wizarah al-Awqaf wa al-Syuun Islamiyyah Kuwait.
- Mohd Farid bin Din, Ferdaus Thoha bin Mohd Hamidin, Mohd Hilmi bin Rozali (2019). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Islam Tahun 4*. Kementerian Pendidikan Malaysia. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Bashir al-Shaqfah (2012). *Fiqh Akham al-Haid wa al-Nifas Fi Madhahib al Arba'ah*, cet.1, Damsyiq: Dar Qalam.
- Muhammad Nasir bin Arshad, Muhammad Tauffid bin Khasim, Nor Suhanna binti Abdullah (2018). *Kurikulum Standard Sekola Rendah Pendidikan Islam Tahun 3*. Kementerian Pendidikan Malaysia, Malaysia: Dewan bahasa Dan Pustaka.
- Noraini Ismail, Latifah, M. C. L., Siti Fatimah, S., Sharipah, I., Ryusda, Bakri., (2016). *Kefahaman Pelajar Terhadap Fiqh Thaharah (Permasalahan Darah Wanita): Tinjauan di UITM Cawangan Perlis*. (Prosiding Persidangan Antarabangsa Ke-3 Mengenai Pengajian Arab dan Tamadun Islam), 1-10.
- Reshad, H. F. M., & Ismail, S. K. (2020). [Literary Highlights Analysis for Female Blood Studies] Analisis Sorotan Literatur bagi Kajian Darah Wanita. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), 227-234.

- Sharifah Hadijah binti Syed Hussin. (2019). *Factors affecting Muslim women's intention to wear hijab: A study from Malaysian perspective*. Master of Sciences (Marketing). Kulliyah of Economics and Management Sciences, International Islamic University Malaysia.
- Siti Falihah binti Yaakob (2020), *Kaedah Penentuan Haid dan Istihadah Menurut Perspektif Fiqh dan Sains Perubatan*. [Disertasi Sarjana, Universiti Malaya].
- Strauss, A & Corbin, J. (1998). *Basics Of Qualitative Research, Grounded Theory Procedures and Techniques*. Newbury Park: Sage.
- Suhaila, N., Shamsudin, S. M., Abd Rahman, S. S., A'toa'Mokhtar, A., & Razali, A. R. M. (2018). Isu-Isu Pengabaian Solat Dalam Kalangan Remaja Di Negeri Selangor. *E-book of Masjid, Zakat and Waqf Management*, 1-20
- Suhid, A., Ahmad, A. M., Mohd Sabri, S., & Mohamad, A. E. (2015). Pendidikan untuk semua: Amalannya dalam sistem Pendidikan Islam di Malaysia. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 1(2), 1-7.
- Syukri Ahmad, Yahya Don, Wan Abdul Rahman Khudri Wan Abdullah, Madiha Mohammed Ibrahim & Shahril Fazli Mat Hussain. (2014). *Penghayatan Solat Dan Pengimarahannya Masjid: Kajian Dalam Kalangan Pelajar*. Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR Jun, Kota Kinabalu, Sabah
- Tawang, N. K., & Ibrahim, B. (2016). [Menstrual Blood Cleaning Practices According to Islamic Approach] Amalan Pengurusan Bersuci Darah-Darah Wanita Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 13, 77-93
- Taylor & Bogdan. (1998). *Introduction to Qualitative Research Methods: A Guidebook and Resource*. 3rd Ed. Wiley, New York.
- Tengku Sarina Aini, T.K., Siti Falihah, Y., Nor Fahimah. M., R., (2023). Pembelajaran Darah Wanita Dalam Mata Pelajaran Sains Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM): Satu Analisis Perbandingan Antara Perspektif Fiqh Dan Sains. *International Journal of Modern Education*, 5 (17), 158-168.
- Tohit, N. F. M., Komuniti, J. K., Hussien, S. F. A. B. S., J. S., Sulaiman, S., & Rokis, R. (2021). *Kemiskinan Haid: Krisis Kesihatan Awam Yang Perlu Diakhiri*. Prosiding Penduduk dan Keluarga Berkualiti, 65.
- Zainuddin, M. Z., & Razak, K. A. (2021). Pengetahuan Akidah Dan Amalan Ibadah Pelajar Sekolah Menengah Di Kuala Pilah, Negeri Sembilan [The Knowledge Of Faith And Practice Of Worship Of Secondary School Students]. *International Journal Of Advanced Research In Islamic Studies And Education*, 1(4), 80-95.